



## Bahagian A [15 markah]

<p><b>NAMA CALON :</b></p> <p>.....</p> <p><b>KELAS :</b></p> <p>.....</p> <p><b>KOD KERTAS : 900/3</b> <b>PENGAJIAN AM 3</b></p>	<p><b>HITAMKAN/ TANDAKAN JAWAPAN ANDA</b> <b>BAGI SALAH SATU PILIHAN YANG DIBERI</b></p>				
	1. <table border="1" style="display: inline-table;"><tr><td style="background-color: black;">A</td><td>B</td><td>C</td><td>D</td></tr></table>	A	B	C	D
	A	B	C	D	
	2. <table border="1" style="display: inline-table;"><tr><td>A</td><td>B</td><td>C</td><td style="background-color: black;">D</td></tr></table>	A	B	C	D
	A	B	C	D	
	3. <table border="1" style="display: inline-table;"><tr><td>A</td><td>B</td><td>C</td><td style="background-color: black;">D</td></tr></table>	A	B	C	D
	A	B	C	D	
	4. <table border="1" style="display: inline-table;"><tr><td style="background-color: black;">A</td><td>B</td><td>C</td><td>D</td></tr></table>	A	B	C	D
	A	B	C	D	
	5. <table border="1" style="display: inline-table;"><tr><td>A</td><td style="background-color: black;">B</td><td>C</td><td>D</td></tr></table>	A	B	C	D
	A	B	C	D	
	6. <table border="1" style="display: inline-table;"><tr><td>A</td><td>B</td><td style="background-color: black;">C</td><td>D</td></tr></table>	A	B	C	D
	A	B	C	D	
	7. <table border="1" style="display: inline-table;"><tr><td>A</td><td>B</td><td style="background-color: black;">C</td><td>D</td></tr></table>	A	B	C	D
	A	B	C	D	
8. <table border="1" style="display: inline-table;"><tr><td>A</td><td>B</td><td style="background-color: black;">C</td><td>D</td></tr></table>	A	B	C	D	
A	B	C	D		
9. <table border="1" style="display: inline-table;"><tr><td style="background-color: black;">A</td><td>B</td><td>C</td><td>D</td></tr></table>	A	B	C	D	
A	B	C	D		
10. <table border="1" style="display: inline-table;"><tr><td>A</td><td>B</td><td>C</td><td style="background-color: black;">D</td></tr></table>	A	B	C	D	
A	B	C	D		
11. <table border="1" style="display: inline-table;"><tr><td>A</td><td style="background-color: black;">B</td><td>C</td><td>D</td></tr></table>	A	B	C	D	
A	B	C	D		
12. <table border="1" style="display: inline-table;"><tr><td style="background-color: black;">A</td><td>B</td><td>C</td><td>D</td></tr></table>	A	B	C	D	
A	B	C	D		
13. <table border="1" style="display: inline-table;"><tr><td>A</td><td style="background-color: black;">B</td><td>C</td><td>D</td></tr></table>	A	B	C	D	
A	B	C	D		
14. <table border="1" style="display: inline-table;"><tr><td>A</td><td>B</td><td style="background-color: black;">C</td><td>D</td></tr></table>	A	B	C	D	
A	B	C	D		
15. <table border="1" style="display: inline-table;"><tr><td>A</td><td style="background-color: black;">B</td><td>C</td><td>D</td></tr></table>	A	B	C	D	
A	B	C	D		

**Bahagian B****Soalan Alih Bentuk Komunikasi**

Markah penuh : **15 markah**

**A. Tujuan ujian**

Untuk menguji kebolehan calon mengalih bentuk komunikasi daripada bentuk bukan linear kepada bentuk linear dengan mengutip maklumat daripada data/carta.

**B. Komunikasi terlibat - kefahaman**

- analisis
- kebahasaan

**C. Ciri-ciri jawapan**

1. Idea/isi
2. Huraian dan penjelasan - isi carta/data
  - fakta
  - perhubungan fakta
3. Kebahasaan
4. Rumusan/kesimpulan/pendapat

**D. Pemarkahan**

➤ Idea/isi (I)	- 4 markah
➤ Huraian dan penjelasan (H)	- 8 markah
Kebahasaan (B)	- 1 markah
Rumusan/kesimpulan/pendapat (R)	- 2 markah
	15 markah

\* Boleh berubah mengikut skema

**Bahagian C**  
**Karangan**

**Markah penuh: 50 markah**

**A. Pemberian markah karangan akan berasaskan kepada perkara-perkara berikut:**

- |                             |                  |
|-----------------------------|------------------|
| 1. Isi dan Idea (I)         | [5] markah       |
| 2. Hujah (H)                | [5] markah       |
| 3. Kemahiran Kebahasaan (B) | [4] markah       |
| 4. Format                   | [1] markah       |
|                             | <u>25 markah</u> |

Catatan:

(i) Pembahagian markah untuk isi dan Idea (I):

Baik	:	4-5 markah
Sederhana	:	3 markah
Lemah	:	1-2 markah

(ii) Pembahagian markah untuk Huraian (H):

Baik	:	12 – 15 markah
Sederhana	:	7 – 11 markah
Lemah	:	1 – 6 markah

(iii) Pembahagian Markah untuk kebahasaan (B):

Baik	:	4 markah
Sederhana	:	2-3 markah
Lemah	:	1 markah

(iv) Pembahagian markah untuk Format (F):

Memenuhi format Penulisan (Pengenalan, Isi dan penutup)	:	1 markah
Tidak memenuhi format penulisan :		0 markah

## B. Cara Pemberian Markah

### 1. Pemarkahan Bahasa (4)


- 1.1 Bagi 8 kesalahan ejaan atau tanda baca, potong 1 markah. Bagi 4 kesalahan struktur ayat potong 1 markah dengan mengambil ingatan apa-apa kesalahan yang terdapat di dalamnya tidak diambilkira.
- 1.2 Kesalahan yang sama dan diulang tidak dipotong markah , demikian juga ejaan yang sejenis.
- 1.3 Satu (1) markah minimum diberi untuk markah bahasa dan juga bagi jawapan yang terdiri daripada satu ayat bagi setiap perenggan.

### 1.4 Keganjangan karangan

- 1.4.1 Karangan hendaklah tidak melebihi 400 patah perkataan. Karangan yang selebihnya tidak perlu diperiksa.
- 1.4.2 Markah maksimum untuk bahasa berdasarkan kepada keganjangan karangan adalah seperti berikut:

Lebih daripada 250 patah perkataan	: 4 markah
151 hingga 250 patah perkataan	: 3 markah
101 hingga 150 patah perkataan	: 2 markah
Kurang daripada 100 perkataan	: 1 markah

### 1.5 Mencatat kesalahan bahasa dan markah

- 1.5.1 Catat kesalahan bahasa di ruang kiri skrip jawapan. Setiap kesalahan dicatat dengan angka 1.
- 1.5.2 Kesalahan struktur ayat ditandai dengan cara :  
(                    ) – ditandai S di ruang kiri skrip
- 1.5.3 Kesalahan bahasa kali pertama bagi tatabahasa, ejaan, tanda baca ditandai dengan cara: 

Kesalahan yang sama tidak dikira dan ditandai dengan cara: 

### 1.5.4 Tidak relevan (TR) dan Tidak Jelas (TJ)

2. Karangan yang tidak lansung membincangkan tajuk beri markah 1 ( 1/25)
3. Perhatikan bahawa markah tidak diberi untuk butiran yang berulang-ulang.
4. Adakalanya, anda akan bertemu dengan karangan yang daripada awal lagi sudah menyeleweng tetapi kemudian pada bahagian akhirnya barulah terdapat butiran-butir yang jitu. Oleh sebab itu anda hendaklah membaca seluruh karangan itu walaupun separuh daripadanya menyeleweng supaya kita dapat berlaku adil terhadap calon. Anda juga akan bertemu dengan karangan yang pada mulanya menjawab dengan jitu tetapi kemudiannya menyeleweng daripada tajuk. Dalam hal ini, berilah markah kepada jitu sahaja.
5. Calon layak diberi markah impak/persembahan (1markah) jika jawapannya sempurna dari segi format penulisan karangan, iaitu ada bahagian pengenalan, isi dan penutup.
6. Mencatat pemberian markah karangan.
  - 6.1 Catat markah pada ruang kanan skrip (sebelah atas). Jumlah markah akhir setiap jawapan perlu diletakkan dalam bulatan.
  - 6.2 Tanda I – Idea, H – Huraian, B – Bahasa, F – Format
  - 6.3 Nyatakan di bahagian akhir karangan sekiranya karangan itu menyeleweng.

**PERINGATAN KEPADA PEMERIKSA:**

**Calon dikehendaki menjawab dua daripada tiga soalan dalam Bahagian C. Sekiranya calon menjawab ketiga-tiga soalan, hanya semak dua soalan yang mula-mula dijawab oleh calon sahaja yang perlu disemak oleh pemeriksa.**

**Bahagian B** [15 markah]

Jawab **satu** soalan sahaja.

16. Dengan merujuk kepada jadual di bawah, buat analisis terhadap statistik bilangan penganggur di negara-negara ASEAN terpilih dari tahun 2014 hingga tahun 2016. Berikan langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengurangkan bilangan penganggur di negara ini.

**BILANGAN PENGANGGUR DI NEGARA-NEGARA ASEAN TERPILIH DARI  
TAHUN 2014 HINGGA TAHUN 2016**

<i>Negara</i>	<i>Bilangan penganggur ('000 orang)</i>		
	<i>Tahun 2014</i>	<i>Tahun 2015</i>	<i>Tahun 2016</i>
Indonesia	7 244.9	7 560.8	7 031.8
Malaysia	411.1	450.3	504.1
Myanmar	1 290.0	954.0	168.0
Filipina	2 728.0	2 602.0	2 363.0
Singapura	61.2	62.5	67.4
Thailand	322.7	340.6	377.5
Vietnam	1 003.5	1 144.0	1 143.0
Jumlah	13 061.4	13 114.2	11 654.8

(Sumber: *ASEAN Statistical Yearbook 2016/2017* dalam [http://asean.org/storage/2018/01/ASYB\\_2017-rev.pdf](http://asean.org/storage/2018/01/ASYB_2017-rev.pdf))

## Soalan 16

**Pendahuluan:**

Bilangan penganggur yang ramai memberi impak negatif kepada sesebuah negara. Jadual menunjukkan bilangan penganggur di negara-negara Asia Tenggara terpilih dari tahun 2014 hingga tahun 2016.

Isi/Idea:

Bil	Isi/Idea	Huraian
1	<b>Perubahan:</b> Meningkat Malaysia, Singapura dan Thailand ( <i>Nyatakan ketiga-tiga negara</i> )	<b>Malaysia:</b> 411 100 orang (2014) meningkat kepada 504 100 orang (2016) iaitu peningkatan sebanyak 93 000 orang atau 22.62 peratus <b>Singapura:</b> 61 200 orang (2014) meningkat kepada 67 400 orang (2016) iaitu meningkat sebanyak 6 200 orang atau 10.13 peratus <b>Thailand:</b> 322 700 orang (2014) meningkat kepada 377 500 orang (2016) iaitu meningkat sebanyak 54 800 orang atau 16.98 peratus. ( <i>Pilih salah sebuah negara</i> )
2	Menurun Myanmar dan Filipina ( <i>Nyatakan kedua-dua negara</i> )	<b>Myanmar:</b> 1 290 000 orang (2014) menurun kepada 168 000 orang (2016) iaitu menurun sebanyak 1 122 000 orang atau 86.98 peratus. <b>Filipina:</b> 2 728 000 orang (2014) menurun kepada 2 363 000 orang (2016) iaitu menurun sebanyak 365 000 orang atau 13.38 peratus. ( <i>Pilih salah sebuah negara</i> )
3	Tidak konsisten - meningkat dan menurun – Indonesia dan Vietnam ( <i>Nyatakan kedua-dua negara</i> )	<b>Indonesia:</b> 7 244 900 orang (2014) meningkat sebanyak 315 900 orang atau 4.36 peratus kepada 7 560 800 orang (2015) dan menurun sebanyak 529 000 orang atau 7 peratus kepada 7 031 800 orang (2016) <b>Vietnam:</b> 1 003 500 orang (2014) meningkat sebanyak 140 500 orang atau 14 peratus kepada 1 144 000 orang (2015) dan menurun sebanyak 1000




		orang atau 0.09 peratus kepada 1 143 000 orang (2016) (Pilih salah sebuah negara)
4	<b>Bandingan</b> Bilangan penganggur tertinggi sepanjang 3 tahun – Indonesia Bilangan penganggur terendah sepanjang 3 tahun - Singapura	<b>Indonesia:</b> 7 244 900 orang daripada 13 061 400 orang atau 55.47 peratus (2014), 7 560 800 orang daripada 13 114 200 orang atau 57.65 peratus (2015) dan 7 031 800 orang daripada 11 654 800 orang atau 60.33 peratus (2016) <b>Singapura:</b> 61 200 orang daripada 13 061 400 orang atau 0.47 peratus (2014), 62 500 orang daripada 13 114 200 orang atau 0.48 peratus (2015) dan 67 400 orang daripada 11 654 800 orang atau 0.58 peratus (2016)
5	<b>Langkah</b> Mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Peluang pekerjaan dalam sektor awam dan swasta</li> <li>• Mempelbagaikan ekonomi</li> </ul>
6	Mengawal kemasukan pekerja asing	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Majikan perlu mengambil pekerja tempatan</li> <li>• Kerajaan perlu mengawal kemasukan pekerja asing, menggalakkan majikan mengambil pekerja tempatan dengan mengenakan cukai dan levi lebih tinggi kepada pekerja asing</li> </ul>
7	Memberi insentif untuk menggalakkan pelaburan langsung asing	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kemasukan FDI dapat membuka peluang pekerjaan baru</li> </ul>
8	Memberi galakan kepada Industri Kecil dan Sederhana	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Cukai insentif, pelopor industri, insentif eksport, insentif import dan lain-lain</li> </ul>
9	Mengadakan kempen dan promosi pekerjaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sikap suka memilih pekerjaan perlu diubah</li> <li>• Kolaborasi dengan syarikat-syarikat memerlukan pekerja untuk mengiklankan pekerjaan</li> </ul>

### Penutup

Masalah pengangguran perlukan penyelesaian secara lebih serius bagi mengelakkan masalah-masalah lain yang berkaitan dengannya.

17 Berdasarkan maklumat dalam carta di bawah, huraikan perubahan nilai import Malaysia dari negara-negara terpilih pada bulan Julai - Disember 2017 dan anggaran bulan Julai - Disember, 2018. Kemukakan juga langkah-langkah untuk mengurangkan jumlah import Malaysia.

**MALAYSIA: PASARAN UTAMA IMPORT BULAN JULAI - DISEMBER 2017 DAN  
\*BULAN JULAI - DISEMBER 2018**



(Disesuaikan daripada *Perangkaan Perdagangan Luar Malaysia* dalam <http://gg.gg/matrade>)

## Soalan 17

**Pendahuluan:**

Carta pai menunjukkan pasaran utama import Malaysia dari negara-negara terpilih iaitu China, Singapura, Jepun, Amerika Syarikat, Taiwan dan Thailand pada bulan Julai - Disember 2017 dan anggaran bulan Julai - Disember tahun 2018.

**Isi/Idea**

<b>Bil</b>	<b>Isi/idea</b>	<b>Huraian</b>
1	<p>Perubahan nilai mutlak jumlah import:</p> <p>Secara keseluruhannya, jumlah import <b>meningkat</b> dari bulan Julai - Disember 2017 dan anggaran bulan Julai - Disember tahun 2018.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Pada bulan Julai - Disember 2017, jumlah import Malaysia dari negara-negara terpilih adalah sebanyak RM118 110 juta dianggarkan meningkat kepada RM 128 394 juta pada bulan Julai - Disember tahun 2018.</li> <li>● Peningkatannya adalah sebanyak RM10 284 juta iaitu sebanyak 8.71%.</li> </ul>
2	<p>Nilai import menurun</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● Amerika Syarikat</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Nilai import Malaysia dari Amerika Syarikat pada bulan Julai - Disember 2017 adalah sebanyak RM18106.26 juta dianggarkan menurun kepada RM 14 970.74 juta pada bulan Julai - Disember tahun 2018.</li> <li>● Penurunannya adalah sebanyak RM3 135.52 juta iaitu sebanyak 17.31%</li> </ul>
3	<p>Nilai import meningkat</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● China</li> <li>● Singapura</li> <li>● Jepun</li> <li>● Taiwan</li> <li>● Thailand</li> </ul> <p>(Nyatakan semua negara)</p>	<p><b>China</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● Nilai import dari China pada bulan Julai - Disember 2017 adalah sebanyak RM39 897.56 juta dianggarkan meningkat kepada RM 44 873.70 juta pada bulan Julai - Disember tahun 2018. Peningkatan sebanyak RM4 976.14 juta iaitu 12.47%</li> </ul> <p><b>Singapura</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● Nilai import dari Singapura pada bulan Julai - Disember 2017 adalah sebanyak RM20 303.11 juta dianggarkan meningkat kepada RM 24 433.38 juta pada bulan Julai - Disember tahun 2018. Peningkatan sebanyak RM4 130.27 juta iaitu 20.34%</li> </ul> <p><b>Jepun</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● Nilai import dari Jepun pada bulan Julai -</li> </ul>

		<p>Disember 2017 adalah sebanyak RM14 988.16 juta dianggarkan meningkat kepada RM 16 036.41 juta pada bulan Julai - Disember tahun 2018. Peningkatan sebanyak RM1 048.25 juta iaitu 7.0%</p> <p><b>Taiwan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● Nilai import dari Taiwan pada bulan Julai - Disember 2017 adalah sebanyak RM 12 862.18 juta dianggarkan meningkat kepada RM 15 959.37 juta pada bulan Julai - Disember tahun 2018. Peningkatan sebanyak RM3 097.19 juta iaitu 24.08%</li> </ul> <p><b>Thailand</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● Nilai import dari Thailand pada bulan Julai - Disember 2017 adalah sebanyak RM11 952.73 juta dianggarkan meningkat kepada RM 12 120.39 juta pada bulan Julai - Disember tahun 2018. Peningkatan sebanyak RM167.66 juta iaitu 1.40%</li> </ul> <p><i>(pilih salah satu negara)</i></p>
4	<b>Langkah-langkah mengurangkan import</b> Mempelbagaikan hasil keluaran	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Barang gantian import diperbanyakkan</li> <li>● Perbanyakkan industri-industri ringan</li> </ul>
5	Meningkatkan kualiti barangan	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Pengeluar produk tempatan perlu meningkatkan kualiti barangan mereka supaya dapat bersaing dengan produk luar negara</li> </ul>
6	Memastikan harga barangan yang kompetitif	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Sekiranya harga barangan lebih murah, masyarakat akan memilih barangan tempatan</li> </ul>
7	Memajukan industri sokongan	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Melantik vendor untuk menghasilkan produk gantian import</li> <li>● Memberikan taraf perintis kepada syarikat yang memulakan operasi pengeluarannya</li> </ul>
8	Menghadkan kuota untuk mengimport barangan	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Mengelakkan penawaran keluaran import secara berleluasa untuk melindungi industri yang sama di pasaran tempatan</li> </ul>
9	Memberi insentif untuk menggalakkan usahawan tempatan	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Insentif fiskal dan kewangan diberi untuk menggalakkan usahawan tempatan menghasilkan produk yang berkualiti</li> </ul>
10	Meningkatkan cukai/duti /tarif import/embargo/mengawal tukaran asing	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Kerajaan mengenakan pelbagai cara untuk mengurangkan/mengawal/menyekat import bagi melindungi barangan tempatan</li> </ul>
11	Mengadakan kempen “Beli Barang	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Memberi keutamaan kepada pengeluar</li> </ul>

	Buatan Malaysia”	tempatan, meningkatkan permintaan terhadap barangan tempatan, meningkatkan daya saing industri tempatan
--	------------------	---

**Penutup:**

Malaysia perlu mengurangkan pergantungan import dari negara luar bagi menyeimbangkan imbalan dagangan negara ini.

**Bahagian C [ 50 markah ]**

Pilih **dua** daripada tajuk di bawah ini, dan tulis karangan yang panjangnya antara 300 hingga 350 patah perkataan.

18 Malaysia dan negara-negara Islam menghadapi pelbagai masalah yang menyukarkan pembangunan. Huraikan.

Skema:

Pengenalan

Malaysia dan negara-negara Islam menghadapi pelbagai masalah dalam usaha membangunkan negara. OIC perlu memperhalusi setiap masalah yang dihadapi untuk sama-masa membantu membangunkan negara anggota.

<i>Bil</i>	<i>Idea/isi</i>	<i>Huraian</i>
1.	<b>Masalah-masalah</b> Kemiskinan	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Banyak negara Islam terutama di Afrika masih miskin dan mundur</li> <li>● Keadaan muka bumi yang bergurun, berbukit bukau dan gersang menyebabkan pertanian sukar dijalankan dan bantuan sukar diberi untuk membangunkannya</li> </ul>
2.	Tahap pendidikan yang rendah	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Keciciran berlaku di kebanyakan negara Islam yang mundur</li> <li>● Ramai orang Islam tidak membenarkan anak perempuan mereka bersekolah yang menyebabkan ramai dalam kalangan mereka yang buta huruf</li> </ul>
3.	Kesukaran dalam perhubungan dan komunikasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Kebanyakan masyarakat di negara berkenaan menghadapi kesukaran berbahasa Inggeris</li> <li>● Ramai juga yang tidak celik ICT</li> <li>● Bantuan sukar disalurkan</li> </ul>
4.	Sering menghadapi bencana alam	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Kebanyakan negara Islam di Asia dan Afrika terdedah kepada bencana alam seperti banjir, kemarau, letusan gunung berapi dan ribut taufan</li> <li>● Menyukarkan bantuan untuk membangunkan negara</li> </ul>
5.	Masalah keselamatan	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Rakyat di negara Islam terutama di Timur</li> </ul>

		<p>Tengah terdedah kepada ancaman keselamatan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● Isu keganasan banyak berlaku di negara Islam menyebabkan keselamatan rakyat kurang terjamin</li> </ul>
6.	Masalah kesihatan	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Kurang penjagaan kesihatan dan kemudahan perubatan menyukarkan masyarakat menjaga kesihatan</li> <li>● Mereka juga tidak mampu untuk menanggung kos rawatan</li> <li>● Ramai yang mati kerana gagal mendapatkan rawatan terhadap pelbagai penyakit berjangkit dan berbahaya</li> </ul>
7.	Mangsa perebutan wilayah	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Rakyat Islam juga menjadi mangsa perebutan wilayah</li> <li>● Sukar untuk memberi bantuan kemanusiaan untuk membangunkan negara yang berada dalam kancuh peperangan</li> <li>● Bantuan makanan dan perubatan juga sukar disampaikan kerana sekatan</li> </ul>

### Kesimpulan

Negara-negara Islam perlu bersatu dalam usaha membangunkan negara Islam yang lain. Hal ini penting bagi memastikan negara-negara Islam membangun seiring dengan negara Islam yang lain.

Jawapan: Mana-mana 5 + 0

19 Walaupun pelbagai usaha dilakukan untuk membendung penularannya, penyakit berjangkit masih merupakan salah satu punca kematian dalam kalangan kanak-kanak terutama di negara-negara mundur. Bincangkan faktor perebakan penyakit berjangkit dalam kalangan kanak-kanak dan cadangkan langkah untuk mengawalinya.

Skema jawapan

### Pengenalan

Kanak-kanak sering menjadi mangsa serangan penyakit. Keadaan ini berlaku adalah disebabkan daya tahan penyakit kanak-kanak yang rendah. Keadaan menjadi semakin serius di negara-negara yang mundur.

<i>Bil</i>	<i>Idea/isi</i>	<i>Huraian</i>
1.	<b>A. Faktor perebakan</b> Sikap masyarakat yang tidak mementingkan kesihatan kanak-kanak	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Masyarakat tidak mementingkan kesihatan kanak-kanak</li> <li>● Mengambil mudah - tidak memberikan imunisasi, tidak menjaga kebersihan/berkongsi barang/peralatan</li> <li>● Tidak mematuhi arahan kuarantin</li> </ul>
2.	Peralatan kesihatan tidak mencukupi/lama	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Kerajaan tidak menyediakan peralatan yang mencukupi untuk mencegah perebakan penyakit</li> <li>● Alatan lama gagal mengesan dan pengawal perebakan penyakit</li> </ul>
3.	Persekitaran yang kotor	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Tempat tinggal yang kotor memudahkan penyakit berjangkit</li> <li>● Air bertakung - pembiakan nyamuk</li> </ul>
4.	Kurang kepakaran perubatan	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Kurang pakar kanak-kanak untuk memberikan rawatan yang sempurna</li> </ul>
5.	Tahap kesihatan ibu yang tidak baik	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Ibu-ibu di negara mundur terpaksa bekerja keras mencari nafkah, mengabaikan kesihatan - memberi kesan kepada bayi dalam kandungan</li> <li>● Mudah dijangkiti penyakit</li> </ul>
6.	Tiada imunisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Tidak memberi imunisasi untuk mencegah penyakit di peringkat awal</li> </ul>
7.	<b>B. Langkah mengawal</b> Membina daya tahan kanak-kanak	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Memberi suntikan imunisasi kepada kanak-kanak supaya mereka mempunyai daya tahan diserang penyakit</li> </ul>
8.	Meningkatkan tahap kesedaran	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Menekankan kepentingan penjagaan</li> </ul>



		kebersihan diri kanak-kanak dan persekitaran ● Mengadakan pendidikan kesihatan kepada masyarakat
9.	Mendapatkan rawatan	● Penjagaan kesihatan kanak-kanak dan ibu mengandung perlu dibuat secara berkala ● Mendapatkan rawatan sekiranya dijangkiti penyakit berjangkit ● Mendapatkan suntikan imunisasi sejak dilahirkan
10.	Mengasingkan pesakit/kuarantin	● Pesakit perlu diasingkan daripada bergaul dengan kanak-kanak lain sehingga pesakit benar-benar sembuh
11.	Meningkatkan teknologi pengesanan/perawatan/pencegahan	● Teknologi yang lebih canggih diperlukan untuk mencegah perebakan penyakit ● Peralatan perubatan yang lebih canggih diperlukan untuk mengelakkan penyakit merebak
12.	Menggalakkan penyelidikan dan pembangunan berkaitan penyakit	● P & P perlu dibuat untuk mengesan virus dan bakteria yang berkaitan penyakit dan mengetahui langkah perebakannya ● Kajian juga dibuat untuk mencari vaksin yang sesuai

### Kesimpulan

Kerjasama semua pihak diperlukan untuk mengelakkan perebakan penyakit berjangkit dalam kalangan kanak-kanak. Kematian akibat penyakit berjangkit dalam kalangan kanak-kanak perlu dibanteras dengan mematuhi langkah-langkah tersebut.

Skema: Mana-mana 2 + 3 atau 3 + 2

(Jawapan calon **MESTI** menyentuh **penyakit berjangkit dalam kalangan kanak-kanak** sekurang-kurangnya sekali. Sekiranya hanya menulis berkaitan penyakit berjangkit, karangan dianggap tidak relevan - 01 markah)

20 Kelemahan kawalan sempadan bukanlah satu-satunya faktor yang menyebabkan Malaysia masih gagal menyelesaikan isu keselamatan sempadan. Isu ini akan menimbulkan pelbagai risiko kepada rakyat dan negara. Bincangkan.

### Skema jawapan

Pendahuluan:

Keselamatan rakyat amat penting untuk mengekalkan kedaulatan negara. Namun, masalah keselamatan sempadan masih berlaku walaupun terdapat usaha untuk menanganinya.

<i>Bil</i>	<i>Idea/Isi</i>	<i>Huraian</i>
1.	<b>A. Faktor kegagalan</b> Kelemahan kawalan sempadan  <i>(Idea wajib)</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Kawalan tidak menyeluruh</li> <li>● Integriti pegawai penguatkuasaan lemah</li> <li>● Bilangan penguatkuasa tidak mampu untuk mengawal sempadan</li> </ul>
2.	Keluasan kawasan sempadan	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Bentuk muka bumi di kelilingi laut dan berbukit bukau</li> <li>● Kawasan hutan yang luas dan tidak didiami</li> <li>● Sukar menempatkan pegawai dan membina tembok di sempadan</li> </ul>
3.	Peralatan yang digunakan kurang canggih/spesifikasi rendah	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Peralatan pemantauan, pengintipan dan pengawasan tidak memenuhi ciri-ciri terkini</li> <li>● Sukar mendapat maklumat terperinci</li> <li>● Sekiranya ada, amat terhad penggunaannya</li> </ul>
4.	Kurang kerjasama daripada masyarakat setempat	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Masyarakat setempat tidak menyalurkan maklumat kepada pasukan keselamatan</li> <li>● Lebih mementingkan keuntungan sendiri tanpa mempedulikan kesan kepada negara</li> <li>● Ramai yang sombong dan tidak memberikan kerjasama kepada pasukan keselamatan</li> </ul>
5.	Pencabulan undang-undang antarabangsa	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Ada pihak yang mencerooboh kawasan milik negara</li> <li>● Tidak mematuhi undang-undang antarabangsa demi memenuhi tuntutan</li> </ul>

		peribadi
6.	Kerjasama antara negara terlibat kurang berkesan	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Kurang kerjasama antara negara</li> <li>● Kawalan keselamatan sempadan negara jiran juga mempengaruhi kejayaan negara</li> <li>● Kecekapan sistem kawal masuk sempadan perlukan kerjasama dua pihak</li> </ul>
7.	<b>B. Risiko</b> Keselamatan rakyat tergugat	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Rakyat tidak dapat bergerak bebas kerana bimbang keselamatan</li> <li>● Aktiviti seharian terjejas</li> </ul>
8.	Perbelanjaan negara meningkat	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Kerajaan perlu meningkatkan perbelanjaan untuk mengawal keselamatan negara</li> <li>● Tambahan pasukan keselamatan dan peralatan memerlukan kos yang tinggi</li> </ul>
9.	Imej/maruah negara terjejas	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Kerajaan dianggap lemah kerana gagal mengawal keselamatan negara</li> <li>● Mungkin mengundang campur tangan dari negara lain</li> </ul>
10.	Pertumbuhan ekonomi negara terjejas	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Aktiviti ekonomi terjejas</li> <li>● Pelabur tidak melabur dalam negara yang tidak selamat</li> <li>● Sektor pelancongan akan terjejas</li> </ul>

### Kesimpulan

Rakyat dan pihak kerajaan perlu bekerjasama untuk menjaga kedaulatan negara. Keamanan dan keselamatan boleh membantu negara mengekalkan kedaulatannya.

Jawapan: Idea 1 + mana-mana 2 + 2

(Jawapan calon sama ada dalam idea atau huraian **WAJIB** mempunyai unsur risiko seperti *jika, mungkin, kebarangkalian, sekiranya ada, akan menyebabkan*. Sekiranya tiada unsur risiko idea tidak relevan)